

Panduan Pengguna Nokia 2730 classic

9217065
Keluaran1.1

Kandungan		Menavigasi menu	17
Keselamatan	4	Mesej	18
Bermula	5	Mesej teks dan multimedia	18
Masukkan kad SIM dan bateri	5	Mesej kilat	19
Memasukkan kad microSD	5	Mesej audio Nokia Xpress	19
Keluarkan kad microSD	6	E-mel	19
Caskan bateri	6	Mesej segera	20
Antena	7	Mesej suara	20
Alat Dengar	7	Tetapan mesej	20
Magnet dan medan magnet	7	Kenalan	22
Kekunci dan bahagian	8	Log panggilan	23
Hidupkan dan matikan	8	Tetapan	24
Kawalan kelantangan	8	Profil	24
Mod siap sedia	9	Nada	24
Kunci pad kekunci	9	Paparan	24
Fungsi tanpa kad SIM	10	Tarikh dan masa	24
Aplikasi sedang berjalan pada latar belakang.	10	Pintasan	24
Maklumat am	11	Penyegerakan dan sandaran	25
Mengenai peranti anda	11	Kesambungan	25
Mod rangkaian	11	Panggil dan telefon	27
Perkhidmatan rangkaian	11	Arahan suara dan dailan suara	27
Memori yang dikongsi	12	Tambahan	28
Kod akses	12	Tatarajah	28
Kemas kinian perisian menggunakan PC anda	12	Simpan semula tetapan kilang	28
Sokongan	13	Menu operator	30
Panggilan	14	Galeri	31
Membuat dan menjawab panggilan	14	Media	32
Pembesar suara	14	Kamera dan video	32
Pintasan dailan	14	Radio FM	32
Tulis teks	15	Perakam suara	33
Mod teks	15	Pemain muzik	33
Input teks tradisional	15	Aplikasi	35
Input teks ramalan	15	Pengatur	36
		Jam penggera	36

Kalendar dan senarai tugas	36
Peta	38
Muat turun peta	38
Peta dan GPS	39
Perkhidmatan tambahan	39
Web atau Internet	41
Sambung kepada perkhidmatan web	41
Perkhidmatan SIM	42
Petua hijau	43
Menjimat tenaga	43
Mengitar semula	43
Dapatkan maklumat lanjut	43
Aksesori	44
Bateri	44
Maklumat bateri dan pengecas	44
Menjaga peranti anda	45
Kitar semula	46
Maklumat keselamatan tambahan	46
Kanak-kanak kecil	46
Persekitaran beroperasi	46
Alat perubatan	46
Kenderaan	46
Persekitaran di mana letupan boleh berlaku	47
Panggilan kecemasan	47
Maklumat pensijilan (SAR)	47
WARANTI TERHAD PENGILANG	48
Indeks	51

Keselamatan

Baca garis panduan mudah ini. Tidak mematuhi boleh jadi berbahaya atau salah di sisi undang-undang. Baca panduan pengguna yang lengkap untuk maklumat lanjut.

HIDUPKAN DENGAN SELAMAT



Jangan hidupkan peranti apabila penggunaan telefon wayarles dilarang atau apabila ia boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

KESELAMATAN JALAN RAYA DIUTAMAKAN



Patuhi semua undang-undang tempatan. Sentiasa pastikan tangan anda bebas untuk mengendalikan kenderaan semasa memandu. Perkara pertama yang harus anda pertimbangkan semasa memandu haruslah keselamatan jalan raya.

GANGGUAN



Semua peranti wayarles boleh mendapat gangguan, yang mungkin boleh menjejaskan prestasinya.

MATIKAN TELEFON DI KAWASAN LARANGAN



Patuhi sebarang sekatan. Matikan peranti apabila berada di dalam kapal terbang, berdekatan dengan alat perubatan, bahan bakar, kimia atau kawasan letupan.

PERKHIDMATAN YANG DISAHKAN



Hanya kakitangan berkelayakan boleh memasang atau membaiki produk ini.

AKSESORI DAN BATERI



Gunakan hanya aksesori dan bateri yang diluluskan. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.

KETAHANAN AIR



Peranti anda tidak tahan air. Pastikan ia sentiasa kering.

Bermula

Masukkan kad SIM dan bateri

Pengeluaran selamat. Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Kad SIM dan sesentuhnya mudah rosak kerana tercalar atau dibengkokkan, jadi berhati-hatilah apabila mengendalikan, memasukkan, atau mengeluarkan kad itu.



- 1 Tekan dan luncurkan penutup belakang ke bahagian bawah telefon dan tanggalkannya (1).
- 2 Keluarkan bateri (2).
- 3 Buka pemegang kad SIM (3), masukkan kad SIM dengan permukaan sentuhan menghadap ke bawah (4) dan tutupkan pemegang (5).
- 4 Masukkan bateri (6) dan letakkan semula penutup belakang (7).


Memasukkan kad microSD

Gunakan hanya peranti yang serasi kad microSD yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini. Nokia menggunakan piawai industri untuk kad memori, tetapi sesetengah jenama mungkin tidak serasi sepenuhnya dengan peranti ini. Kad yang tidak serasi boleh merosakkan kad dan peranti serta data yang disimpan pada kad.



Telefon anda menyokong kad mikroSD dengan kapasiti sehingga 2 GB.

Kad memori yang serasi mungkin dibekalkan dengan peranti, dan mungkin sudah dimasukkan ke dalam peranti. Jika tidak, lakukan yang berikut:




- 1 Buka penutup slot kad memori.
- 2 Masukkan kad ke dalam slot kad memori dengan permukaan sentuhnya menghadap ke bawah, dan tekan ia sehingga ia terkunci di tempatnya.
- 3 Tutup penutup slot kad memori.

Keluarkan kad microSD

Penting: Jangan keluarkan kad memori di tengah-tengah operasi semasa kad tersebut sedang diakses. Berbuat demikian boleh merosakkan kad memori dan peranti, serta merosakkan data yang disimpan pada kad.

Anda boleh mengeluarkan atau menggantikan kad memori semasa telefon dikendalikan tanpa mematikan peranti tetapi anda perlu memastikan bahawa tiada aplikasi sedang mengakses kad memori pada masa tersebut.



Caskan bateri

Bateri anda telah dicas separa di kilang. Jika peranti menunjukkan cas yang rendah, lakukan yang berikut:

- 1 Sambungkan pengecas ke alur keluar dinding.



2

Sambungkan pengecas kepada peranti.

- 3 Apabila peranti menunjukkan cas telah penuh, putus sambungan pengecas daripada peranti, kemudian daripada alur keluar dinding.

Anda tidak perlu menukar bateri buat tempoh masa yang tertentu, dan anda boleh menggunakan peranti semasa ia sedang dicas. Sekiranya bateri dinyahcas sepenuhnya, beberapa minit mungkin diperlukan sebelum penunjuk cas muncul pada paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Antena



Peranti anda mungkin mempunyai antena dalaman atau luaran. Elakkan daripada menyentuh kawasan antena jika tidak perlu semasa antena tersebut sedang memancar atau menerima. Bersentuhan dengan antena menjejaskan kualiti komunikasi dan boleh menyebabkan tahap kuasa yang lebih tinggi semasa pengendalian dan boleh mengurangkan hayat bateri.

Rajah menunjukkan kawasan antena yang ditanda dengan warna kelabu.

Alat Dengar

Amaran:

Apabila anda menggunakan alat dengar, keupayaan anda untuk mendengar bunyi di luar akan terjejas. Jangan gunakan alat dengar jika ia boleh membahayakan keselamatan anda.

Apabila menyambung mana-mana peranti luar atau mana-mana alat dengar, selain daripada yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini, dengan Penyambung AU Nokia, sila beri perhatian khusus terhadap paras kelantangan.


Jangan sambungkan produk yang mewujudkan isyarat output kerana ini boleh menyebabkan kerosakan pada peranti. Jangan sambungkan mana-mana sumber voltan dengan Penyambung AU Nokia.

Magnet dan medan magnet

Jauhkan peranti anda daripada magnet atau medan magnet.

Kekunci dan bahagian

1	Kekunci Tamat/Kuasa
2	Alat cuping telinga
3	Paparan
4	Kekunci pilihan
5	Kekunci™ tatarajah; selepas ini dirujuk sebagai kekunci tatal
6	Kekunci panggilan
7	Pad kekunci



8	Penyambung alat dengar/Penyambung Nokia AV (3.5 mm)
9	Penyambung pengecas
10	Kanta kamera
11	Penyambung kabel USB mikro
12	Pembesar suara
13	Mikrofon
14	Slot kad memori
15	Tali lelubang pergelangan tangan



Hidupkan dan matikan

Tekan dan tahan kekunci kuasa.

Kawalan kelantangan


Amaran:

Pendedahan kepada kelantangan yang tinggi secara terus menerus boleh merosakkan pendengaran anda. Dengar muzik pada tahap sederhana dan jangan pegang peranti berhampiran telinga anda apabila pembesar suara sedang digunakan.

Untuk menyesuaikan alat cuping telinga atau pembesar suara semasa panggilan atau apabila mendengar fail audio atau radio FM, tatal kunci kelantangan ke atas dan ke bawah.

Mod siap sedia

Apabila telefon sedia untuk digunakan, dan anda belum memasukkan sebarang aksara, telefon berada dalam mod siap sedia.

1	Kekuatan isyarat rangkaian	
2	Paras cas bateri	
3	Nama rangkaian atau logo operator	
4	Fungsi kekunci pilihan	

Kekunci pemilihan kiri, **Pergi ke**, membolehkan anda untuk mengakses fungsi dalam senarai pintasan peribadi anda. Semasa melihat senarai, pilih **Pilihan** > **Pilih pilihan** untuk melihat fungsi yang tersedia, atau pilih **Pilihan** > **Atur** untuk menyusun fungsi dalam senarai pintasan anda.

Kunci pad kekunci

Kunci pad kekunci

Pilih **Menu**, dan tekan * dalam masa 3.5 saat untuk mengunci pad kekunci.

Buka kunci pad kekunci

Pilih **Buka k'ci**, dan tekan * dalam masa 1.5 saat. Jika pengawal kunci keselamatan diaktifkan, masukkan kod keselamatan apabila diminta.

Tetapkan kunci pad kekunci automatik

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Telefon** > **Kawal kekunci auto.** > **Aktif** dan tetapkan tempoh masa selepas pad kekunci dikunci.

Jawab panggilan semasa pad kekunci dikunci

Tekan kekunci panggil. Apabila anda menamatkan atau menolak panggilan, pad kekunci mengunci secara automatik.

Apabila peranti atau pad kekunci dikunci, panggilan masih boleh dibuat ke nombor kecemasan rasmi yang telah diprogramkan ke dalam peranti anda.

Fungsi tanpa kad SIM

Sesetengah fungsi telefon anda boleh digunakan tanpa memasukkan kad SIM, seperti fungsi dan permainan Pengatur. Sesetengah fungsi kelihatan dimalapkan di dalam menu dan tidak boleh digunakan.

Aplikasi sedang berjalan pada latar belakang.

Membiarkan aplikasi berjalan di latar belakang meningkatkan penggunaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Maklumat am

Mengenai peranti anda

Peranti wayarles yang diperihalkan di dalam panduan ini diluluskan untuk digunakan pada Rangkaian (E)GSM 850,900, 1800, dan rangkaian 1900 MHz, dan rangkaian UMTS 900/2100. Hubungi pembekal khidmat anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai rangkaian.

Peranti anda mungkin mempunyai penanda buku dan pautan yang diprapasang bagi tapak internet pihak ketiga dan mungkin membenarkan anda mengakses tapak pihak ketiga. Ini tidak bersekutu dengan Nokia, dan Nokia tidak mengendors atau menanggung liabiliti untuk mereka. Jika anda mengakses tapak sedemikian, ambil langkah berwaspada tentang keselamatan atau kandungan.

Amaran:

Untuk menggunakan sebarang ciri-ciri di dalam peranti ini selain daripada jam penggera, peranti ini mestilah dihidupkan. Jangan hidupkan peranti ini apabila penggunaan peranti wayarles boleh menyebabkan gangguan atau bahaya.

Apabila menggunakan peranti ini, patuhi semua undang-undang dan hormati adat tempatan, privasi dan hak-hak sah orang lain termasuk hak cipta. Perlindungan hak cipta boleh mencegah sesetengah imej, muzik, dan kandungan lain daripada disalin, diubah suai atau dipindahkan.

Buat salinan sandaran atau simpan rekod bertulis bagi semua maklumat penting yang disimpan dalam peranti anda.

Apabila menyambung kepada sebarang peranti lain, baca panduan penggunaannya untuk arahan-arahan keselamatan yang terperinci. Jangan sambungkan produk yang tidak serasi.

Imej di dalam panduan ini mungkin berbeza daripada paparan peranti anda.

Rujuk kepada panduan pengguna untuk maklumat penting lain mengenai peranti anda.

Mod rangkaian

Bagi memilih jenis rangkaian untuk digunakan, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Mod rangkaian**. Anda tidak boleh mengakses pilihan ini semasa dalam panggilan aktif.

Perkhidmatan rangkaian

Untuk menggunakan peranti ini anda mestilah mempunyai perkhidmatan daripada pembekal khidmat wayarles. Sesetengah ciri tidak terdapat pada semua rangkaian; ciri lain mungkin menghendaki anda membuat pengaturan khusus dengan pembekal khidmat anda untuk menggunakannya. Perkhidmatan rangkaian melibatkan penghantaran data. Periksa dengan pembekal khidmat anda untuk mendapatkan

butiran mengenai bayaran semasa berada dalam rangkaian utama anda dan semasa merayau dalam rangkaian lain. Pembekal khidmat anda boleh menjelaskan caj yang akan dikenakan. Sesetengah rangkaian mungkin mempunyai batasan yang mempengaruhi cara anda boleh menggunakan sesetengah ciri peranti ini yang memerlukan sokongan rangkaian seperti sokongan untuk teknologi tertentu seperti protokol WAP 2.0 (HTTP dan SSL) yang dijalankan pada protokol TCP/IP dan aksara yang bergantung kepada bahasa.

Pembekal khidmat anda mungkin telah meminta agar ciri-ciri tertentu dilumpuhkan atau dinyahaktifkan dalam peranti anda. Jika demikian, ciri ini tidak akan muncul pada menu peranti anda. Peranti anda boleh juga mempunyai item tersuai seperti nama menu, susunan menu, dan ikon.

Memori yang dikongsi

Ciri dalam peranti yang berikut mungkin berkongsi memori: mesej multimedia (MMS), aplikasi e-mel, mesej segera. Penggunaan satu atau lebih daripada ciri-ciri ini boleh mengurangkan memori yang tersedia bagi ciri-ciri yang lain. Jika peranti anda memaparkan mesej bahawa memori telah penuh, padam sebahagian daripada maklumat yang disimpan dalam memori yang dikongsi.

Kod akses

Kod keselamatan membantu melindungi telefon anda daripada penggunaan yang tidak dibenarkan. Kod pratetap ialah 12345. Anda boleh membuat dan mengubah kod dan menetapkan telefon untuk meminta kod. Simpan rahsia kod di tempat yang selamat yang dipisahkan dari telefon anda. Jika anda terlupa kod dan telefon anda dikunci, telefon anda akan memerlukan perkhidmatan dan caj tambahan mungkin dikenakan. Untuk maklumat lanjut, hubungi pusat Penjagaan Nokia atau penjual telefon anda.

Kod PIN dibekalkan dengan kad SIM yang melindungi kad daripada penggunaan yang tidak dibenarkan. Kod PIN2 dibekalkan dengan beberapa kad SIM yang diperlukan untuk mengakses perkhidmatan tertentu. Jika anda memasukkan kod PIN atau PIN2 dengan salah sebanyak tiga kali berturut-turut, anda akan diminta kod PUK atau PUK2. Jika anda tidak mempunyainya, hubungi pembekal khidmat anda.

PIN modul diperlukan untuk mengakses maklumat dalam modul keselamatan bagi kad SIM anda. PIN daftar mungkin diperlukan untuk tandatangan digital. Kata laluan sekatan diperlukan semasa menggunakan perkhidmatan menyekat panggilan.

Untuk menetapkan bagaimana telefon anda menggunakan tetapan kod akses dan keselamatan, pilih **Menu > Tetapan > Keselamatan**.

Kemas kinian perisian menggunakan PC anda

Kemas kinian perisian mungkin termasuk ciri baru dan fungsi yang dipertingkatkan yang tidak tersedia pada masa pembelian peranti anda. Mengemas kini perisian mungkin juga meningkatkan prestasi peranti.

Pengemas kini Perisian Nokia adalah aplikasi PC yang membolehkan anda mengemas kinikan perisian peranti anda. Untuk mengemas kini perisian peranti anda, anda memerlukan PC yang serasi, akses internet jalur lebar dan kabel data USB yang serasi untuk menyambungkan peranti anda dengan PC.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, untuk memeriksa nota siaran bagi versi perisian terkini, dan untuk memuat turun aplikasi Pengemas kini Perisian Nokia, lihat www.nokia-asia.com/softwareupdate atau tapak web Nokia tempatan.

Untuk mengemas kini perisian peranti, lakukan yang berikut:

- 1 Muat turun dan pasang aplikasi Pengemas kini Perisian Nokia ke PC anda.
- 2 Sambungkan peranti anda kepada PC dengan menggunakan kabel data USB dan buka aplikasi Pengemas Kini Perisian Nokia. Aplikasi Pengemas kini Perisian Nokia memandu anda untuk menyandarkan fail anda, mengemas kini perisian dan menyimpan semula fail anda.

Sokongan

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai cara untuk menggunakan produk anda atau anda tidak pasti cara peranti anda harus berfungsi, lihat panduan pengguna atau lihat halaman sokongan di www.nokia.com/support atau tapak web Nokia tempatan anda atau menggunakan peranti mudah alih, www.nokia.mobi/support.

Jika ini tidak menyelesaikan isu anda, lakukan yang berikut:

- Mula semula peranti: matikan peranti dan keluarkan bateri. Selepas kira-kira satu minit, gantikan bateri dan hidupkan peranti.
- Dengan aplikasi Pengemas Kini Perisian Nokia, kemas kini perisian peranti anda secara tetap untuk prestasi optimum dan kemungkinan ciri yang baru. Lihat www.nokia-asia.com/softwareupdate atau tapak web Nokia tempatan anda. Ingat untuk membuat sandaran data peranti anda sebelum mengemas kini perisian peranti.
- Simpan semula tetapan kilang asal seperti yang diterangkan dalam panduan pengguna.

Jika isu kekal tidak diselesaikan, hubungi Nokia untuk pilihan pembaikan. Lihat www.nokia-asia.com/repair. Sebelum menghantar peranti anda untuk pembaikan, sentiasa buat sandaran data dalam peranti anda.

Panggilan

Membuat dan menjawab panggilan

Buat panggilan

Masukkan nombor telefon termasuk kod negara dan kawasan jika perlu dan tekan kekunci panggil.

Jawab panggilan masuk

Tekan kekunci panggil.

Tolak panggilan

Tekan kekunci tamat.

Laraskan kelantangan

Sewaktu panggilan telefon, tatal ke atas atau bawah.

Pembesaran suara

Jika tersedia, anda boleh memilih **P/suara** atau **Normal** untuk menggunakan pembesaran suara atau cuping telinga telefon semasa dalam panggilan.

Pintasan dailan

Menguntukkan nombor telefon kepada kekunci nombor

Pilih Menu > Kenalan > Dail cepat, tatal ke nombor yang dikehendaki (2-9) dan pilih Berikan. Masukkan nombor telefon yang dikehendaki atau pilih Cari dan kenalan yang disimpan.

Aktifkan dailan pantas

Pilih Menu > Tetapan > Panggilan > Dail cepat > Aktif.



Buat panggilan menggunakan dailan pantas

Dalam mod siap sedia, tekan dan tahan kekunci nombor yang dikehendaki.

Tulis teks

Mod teks

Untuk memasukkan teks (misalnya, semasa menulis mesej), anda boleh menggunakan input teks tradisional atau ramalan.

Apabila anda menulis teks, tekan dan tahan **Pilihan** untuk beralih antara input teks tradisional, ditandakan dengan , dan input teks ramalan, ditandakan dengan . Bukan semua bahasa disokong oleh input teks ramalan.

Huruf-huruf kecil atau besar ditandakan dengan **ABC**, **abc**, dan **ABT**.

Untuk menukar huruf besar atau huruf kecil, tekan **#**. Untuk menukar daripada mod huruf kepada nombor, ditandakan dengan **123**, tekan dan tahan **#**, dan pilih **Mod nombor**. Untuk menukar daripada mod nombor kepada huruf, tekan dan tahan **#**.

Untuk menetapkan bahasa penulisan, pilih **Pilihan** > **Bahasa tulisan**.

Input teks tradisional

Tekan kekunci nombor, 2 hingga 9, berulang kali sehingga aksara yang dikehendaki muncul. Aksara yang terdapat bergantung kepada bahasa menulis yang dipilih.

Jika huruf seterusnya yang anda mahu terletak pada kekunci yang sama dengan yang sedang digunakan, tunggu sehingga kursor muncul dan masukkan huruf tersebut.

Untuk mengakses tanda baca yang paling biasa digunakan serta aksara khas, tekan **1** berulang kali. Untuk mengakses senarai aksara khas, tekan *****.

Input teks ramalan

Input teks ramalan adalah berdasarkan pada kamus terbina dalam yang boleh ditambahkan dengan perkataan baru.

- 1 Mula menulis perkataan dengan menggunakan kekunci 2 hingga 9. Tekan setiap kekunci sekali sahaja untuk satu huruf.
- 2 Untuk mengesahkan perkataan, tatal ke kanan atau tambah ruang.
 - Jika perkataan itu tidak betul, tekan ***** berulang kali, dan pilih perkataan daripada senarai.
 - Jika aksara ? dipaparkan selepas perkataan tersebut, perkataan yang anda hendak tulis tiada di dalam kamus. Untuk menambahkan perkataan tersebut pada kamus, pilih **Mengeja**. Masukkan perkataan dengan menggunakan input teks tradisional, dan pilih **Simpan**.

- Untuk menulis perkataan majmuk, masukkan bahagian pertama perkataan, dan tekan kanan untuk mengesahkannya. Tulis bahagian akhir perkataan dan sahkan perkataan tersebut.
- 3 Mulakan menulis perkataan seterusnya.

Menavigasi menu

Fungsi telefon ini dikelompokkan ke dalam menu. Bukan semua fungsi menu atau item pilihan dijelaskan di sini.

Dalam mod siap sedia, pilih **Menu** dan menu dan submenu yang dikehendaki. Pilih **Keluar** atau **Balik** untuk keluar dari tahap menu semasa. Tekan kekunci tamat untuk kembali terus ke mod siap sedia. Untuk menukar paparan menu, pilih **Menu > Pilihan > Pamer. menu utama**.

Mesej

Anda boleh membaca, menulis, menghantar, dan menyimpan teks, multimedia, audio dan mesej flash, dan e-mel. Perkhidmatan mesej hanya boleh digunakan jika rangkaian atau pembekal khidmat anda menyokong perkhidmatan mesej.

Mesej teks dan multimedia

Anda boleh membuat mesej dan melampirkan secara optimum sebuah gambar, sebagai contoh. Telefon anda menukarkan mesej teks kepada mesej multimedia secara automatik apabila fail dipasang.

Mesej teks

Peranti anda menyokong mesej teks yang melebihi had bagi sesuatu mesej. Mesej yang lebih panjang akan dihantar sebagai dua atau lebih mesej. Pembekal khidmat anda boleh mengenakan bayaran yang sewajarnya. Aksara dengan aksen, tanda lain, atau sesetengah pilihan bahasa, mengambil lebih banyak ruang dan membataskan bilangan aksara yang boleh dihantar dalam satu mesej.

Jumlah bilangan aksara yang tinggal dan bilangan mesej yang diperlukan untuk penghantaran dipaparkan.

Untuk menghantar mesej, nombor pusat mesej yang betul mesti disimpan dalam peranti anda. Biasanya, nombor ini ditetapkan dengan lalai melalui kad SIM anda. Untuk menetapkan nombor secara manual, pilih **Menu > Pesanan > Tetapan mesej > Mesej teks > Pusat mesej > Tambah pusat**, dan masukkan nama dan nombor daripada pembekal khidmat.

Mesej multimedia

Mesej multimedia boleh mengandungi teks, gambar, dan klip bunyi atau video.

Hanya peranti yang mempunyai ciri yang serasi boleh menerima dan memaparkan mesej multimedia. Tampilan mesej mungkin berbeza mengikut peranti yang menerima.

Rangkaian wayarles boleh membataskan saiz mesej MMS. Jika gambar yang dimasukkan melebihi had ini, peranti ini boleh membuatnya lebih kecil supaya ia boleh dihantar melalui MMS.

Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej mungkin mengandungi perisian yang berniat jahat atau jika tidak, ia mungkin mengganggu peranti atau PC anda.

Untuk memeriksa ketersediaan dan langganan perkhidmatan mesej multimedia (MMS), hubungi pembekal khidmat anda. Anda juga boleh memuat turun tetapan tatarajah.

Membuat mesej teks atau multimedia

- 1 Pilih **Menu** > **Pesanan** > **Buat mesej** > **Mesej**.
- 2 Untuk menambah penerima, tatal ke medan **Kepada:**, dan masukkan nombor atau alamat e-mel penerima, atau pilih **Tambah** untuk memilih penerima daripada pilihan yang tersedia. Pilih **Pilihan** untuk menambah penerima dan subjek dan untuk menetapkan pilihan penghantaran.
- 3 Tatal ke medan **Teks:**, dan masukkan teks mesej.
- 4 Untuk melampirkan kandungan kepada mesej, tatal ke bar lampiran di bahagian bawah paparan dan pilih jenis kandungan yang dikehendaki.
- 5 Untuk menghantar mesej, tekan **Hantar**.

Jenis mesej ditanda di bahagian atas paparan dan bertukar secara automatik bergantung kepada kandungan mesej tersebut.

Pembekal khidmat mungkin mengenakan bayaran secara berlainan bergantung kepada jenis mesej. Semak dengan pembekal khidmat anda untuk mendapatkan butiran.

Mesej kilat

Mesej kilat adalah mesej teks yang dipaparkan dengan serta-merta selepas diterima.

- 1 Untuk menulis mesej kilat, pilih **Menu** > **Pesanan** > **Buat mesej** > **Mesej kilat**.
- 2 Masukkan nombor telefon penerima, tulis mesej anda (maksimum 70 aksara), dan pilih **Hantar**.

Mesej audio Nokia Xpress

Membuat dan menghantar mesej audio menggunakan MMS dengan cara yang mudah.

- 1 Pilih **Menu** > **Pesanan** > **Buat mesej** > **Mesej audio**. Perakam suara terbuka.
- 2 Rakam mesej anda.
- 3 Masukkan satu atau lebih nombor telefon dalam medan **Kepada:** tersebut, atau pilih **Tambah** untuk mengambil semula nombor.
- 4 Untuk menghantar mesej, pilih **Hantar**.

E-mel

Akses akaun e-mel POP3 atau IMAP4 anda dengan menggunakan peranti anda untuk membaca, menulis dan menghantar e-mel. Guna aplikasi e-mel untuk menghantar e-mel tidak sama seperti menghantar e-mel sebagai mesej teks.

Sebelum anda boleh menggunakan e-mel, pastikan anda mempunyai tetapan yang betul. Anda boleh mendaftar akaun baru untuk e-mel atau guna akaun sedia ada, jika pembekal e-mel sedia ada anda membenarkan akses e-mel mudah alih. Tetapan mungkin tersedia dari Nokia. Ikut arahan yang dipaparkan, atau pilih pembekal e-mel anda secara manual. Untuk menyemak ketersediaan dan tetapan akaun e-mel anda,

hubungi pembekal khidmat e-mel anda. Anda mungkin menerima tetapan tatarajah e-mel sebagai mesej tatarajah.

Akses aplikasi e-mel

Pilih Menu > Pesanan dan E-mel atau akaun e-mel yang sedia ada.

Penting: Berhati-hati apabila membuka mesej. Mesej mungkin mengandungi perisian yang berniat jahat atau jika tidak, ia mungkin mengganggu peranti atau PC anda.

Mesej segera

Dengan mesej segera (IM, perkhidmatan rangkaian) anda boleh menghantar mesej teks ringkas kepada pengguna dalam talian. Anda mesti melanggan perkhidmatan dan mendaftar dengan perkhidmatan IM yang anda hendak gunakan. Semak ketersediaan perkhidmatan ini, penentuan harga dan arahan dengan pembekal khidmat anda. Menu mungkin berbeza-beza bergantung kepada pembekal IM anda.

Untuk menyambung ke perkhidmatan, pilih Menu > Pesanan > Mesej segera dan ikut arahan pada paparan.

Mesej suara

Peti mel suara ialah perkhidmatan rangkaian yang anda mungkin perlu langgani. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Panggil peti mel suara anda

Tekan dan tahan 1.

Edit nombor peti mel suara

Pilih Menu > Pesanan > Mesej suara > No. peti mel suara.

Tetapan mesej

Pilih Menu > Pesanan > Tetapan mesej dan daripada yang berikut:

Tetapan umum — Menyimpan salinan mesej yang dihantar dalam telefon anda, menulis ganti mesej lama jika memori mesej menjadi penuh, dan menyediakan keutamaan lain yang berkaitan dengan mesej.


Mesej teks — Membolehkan laporan penghantaran, menyediakan pusat mesej untuk SMS dan e-mel SMS, pilih jenis sokongan aksara, dan menyediakan keutamaan lain yang berkaitan dengan mesej teks.

Mesej multimedia — Membolehkan laporan penghantaran, menyediakan kemunculan mesej multimedia, membolehkan penerimaan mesej multimedia dan iklan, dan untuk menyediakan keutamaan lain yang berkaitan dengan mesej multimedia.

Mesej perkhidmatan — Aktifkan mesej perkhidmatan dan sediakan keutamaan yang berkaitan dengan mesej perkhidmatan.

Kenalan

Pilih Menu > Kenalan.

Anda boleh menyimpan nama dan nombor telefon dalam memori telefon dan memori kad SIM. Dalam memori telefon, anda boleh menyimpan kenalan dengan item nombor dan teks. Nama dan nombor yang disimpan dalam memori kad SIM ditunjukkan dengan  .

Tambah kenalan

Pilih Nama > Pilihan > Tamb kenalan baru.

Tambah butiran kepada kenalan

Pastikan memori yang sedang digunakan adalah sama ada Telefon atau Telefon dan SIM. Pilih Nama, tatal ke nama dan pilih Butiran > Pilihan > Tambah butiran.

Mencari kenalan

Pilih Nama, dan tatal melalui senarai kenalan atau masukkan huruf pertama bagi nama.

Salin kenalan antara memori telefon dan memori kad SIM

Pilih Nama, tatal ke kenalan dan pilih Pilihan > Salin kenalan. Dalam memori kad SIM, anda hanya boleh menyimpan satu nombor telefon untuk setiap nama.

Untuk memilih kad SIM atau memori telefon untuk kenalan anda, untuk memilih bagaimana nama dan nombor dalam senarai kenalan dipaparkan dan untuk melihat kapasiti memori untuk kenalan, pilih **Tetapan**.

Anda boleh menghantar dan menerima maklumat kenalan individu sebagai kad niaga dari peranti serasi yang menyokong standard vCard.

Hantar kad niaga

Pilih Nama, cari kenalan yang maklumatnya anda hendak hantar dan pilih Butiran > Pilihan > Hantar kad niaga.

Log panggilan

Untuk melihat maklumat mengenai panggilan, mesej, data dan penyegerakan anda, pilih **Menu > Log** daripada pilihan yang tersedia.

Nota: Invois sebenar panggilan dan perkhidmatan dari pembekal khidmat anda mungkin berbeza bergantung kepada ciri rangkaian, pembundaran bil, cukai dan sebagainya.

Tetapan

Profil

Telefon anda mempunyai pelbagai kumpulan tetapan yang disebut profil, yang anda boleh suaikan dengan nada dering bagi acara dan persekitaran yang berbeza.

Pilih Menu > **Tetapan** > **Profil**, profil yang dikehendaki, dan daripada pilihan yang berikut:

Aktifkan — untuk mengaktifkan profil yang dipilih.

Pilihan sendiri — untuk mengubah tetapan profil.

Ditetap masa — untuk menetapkan profil supaya menjadi aktif buat tempoh masa yang tertentu. Apabila masa yang ditetapkan untuk profil tamat tempohnya, profil yang sebelumnya yang tidak ditetapkan masa, menjadi aktif.

Nada

Anda boleh menukar tetapan nada bagi profil aktif yang dipilih.

Pilih Menu > **Tetapan** > **Nada**. Anda akan menemui tetapan yang sama dalam menu **Profil**.

Paparan

Untuk melihat atau melaraskan kertas hias dinding, saiz fon atau ciri lain yang berkaitan dengan paparan telefon, pilih Menu > **Tetapan** > **Paparan**.

Tarikh dan masa

Pilih Menu > **Tetapan** > **Tarikh dan masa**.

Tetapkan tarikh dan masa

Pilih Ttpan. tarikh & masa.

Tetapkan format tarikh dan masa

Pilih Format tarkh. & masa.

Tetapkan telefon untuk mengemas kini masa dan tarikh secara automatik mengikut zon masa semasa

Pilih Kms. kini auto masa (perkhidmatan rangkaian).

Pintasan

Dengan pintasan peribadi, anda boleh mendapatkan akses pantas kepada fungsi telefon yang kerap digunakan.

Pilih Menu > Tetapan > Pintasan saya.

Menguntukkan fungsi telefon kepada kekunci pemilihan

Pilih K'kunci pilihan kanan atau Kekunci pilihan kiri dan fungsi daripada senarai.

Pilih fungsi pintasan untuk kekunci tatal

Pilih Kekunci navigasi. Tatal ke arah yang dikehendaki dan pilih Tukar atau Berikan dan fungsi daripada senarai.

Penyegerakan dan sandaran

Pilih Menu > Tetapan > Pygrkn & sandrn. dan daripada yang berikut::

Tukar telefon — Segerakkan atau salin data yang dipilih antara telefon anda dan telefon lain dengan menggunakan teknologi Bluetooth.

Buat sandaran — Buat sandaran data yang dipilih pada kad memori atau pada peranti luaran.

S/smla sandaran — Pilih fail sandaran yang disimpan pada kad memori atau pada peranti luaran dan simpankannya semula pada telefon. Pilih Pilihan > Butiran untuk mendapatkan maklumat mengenai sandaran yang dipilih.

Pindahan data — Segerakkan atau salin data yang dipilih antara telefon anda dan peranti lain, PC atau pelayan rangkaian (perkhidmatan rangkaian).

Kesambungan

Telefon anda mempunyai beberapa ciri yang membolehkan anda untuk menyambung ke peranti untuk menghantar dan menerima data.

Teknologi wayarles Bluetooth


Teknologi Bluetooth membolehkan anda menyambungkan telefon anda, kepada peranti Bluetooth yang serasi dalam jarak 10 meter (32 kaki) dengan menggunakan gelombang radio.

Peranti ini serasi dengan Spesifikasi Bluetooth 2.0 + EDR menyokong profil berikut: Akses SIM, bebaskan tangan, alat dengar, tolak objek, pemindahan fail, rangkaian dailan, port siri, akses Sim, pertukaran objek generik, pengedaran audio lanjutan, kawalan jauh video audio, dan pengedaran generik audio video. Untuk memastikan keantarakendalian antara peranti-peranti lain yang menyokong teknologi Bluetooth, gunakan aksesori Nokia yang diluluskan untuk model ini. Semak dengan pengilang peranti lain untuk menentukan keserasiannya dengan peranti ini.

Ciri yang menggunakan teknologi Bluetooth meningkatkan permintaan kuasa bateri dan mengurangkan hayat bateri.

Menyediakan sambungan Bluetooth

Pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Bluetooth** dan ambil langkah-langkah berikut:

- 1 Pilih **Nama telefon saya** dan masukkan nama bagi telefon anda.
- 2 Untuk mengaktifkan kesambungan Bluetooth pilih **Bluetooth > Aktif**.  menandakan Bluetooth adalah aktif.
- 3 Untuk menyambung telefon anda dengan tambahan audio, pilih **Smbg tmbyn audio** dan peranti yang anda hendak sambungkan.
- 4 Untuk menjadikan telefon anda berpasangan dengan sebarang peranti Bluetooth dalam jarak lingkungan, pilih **Peranti yg berpasang > Tmbh peranti baru**.
Tatal ke peranti yang dikehendaki dan pilih **Tambah**.
Masukkan kod laluan (sehingga 16 aksara) pada telefon anda dan benarkan sambungan pada peranti Bluetooth yang satu lagi.

Jika anda bimbang tentang keselamatan, matikan fungsi Bluetooth, atau tetapkan **K'bolhlihatan tel saya** pada **Tersembunyi**. Terima komunikasi Bluetooth hanya daripada mereka yang anda percayai.

Sambungan PC pada internet

Gunakan teknologi Bluetooth untuk menyambung PC serasi anda ke internet tanpa perisian PC Suite. Telefon anda mestilah mengaktifkan pembekal khidmat yang menyokong akses internet dan PC anda mestilah menyokong rangkaian kawasan peribadi Bluetooth (PAN). Selepas menyambungkan ke perkhidmatan pusat akses rangkaian (NAP) telefon dan berpasangan dengan PC anda, telefon anda membuka sambungan data paket secara automatik ke internet.

Data paket

Perkhidmatan radio paket umum (General packet radio service, GPRS) adalah perkhidmatan rangkaian yang membolehkan telefon mudah alih menghantar dan menerima data melalui rangkaian berasaskan protokol internet (IP).

Untuk menentukan bagaimana untuk menggunakan perkhidmatan tersebut, pilih **Menu > Tetapan > Kesambungan > Data paket > Sambgn. data paket** dan daripada pilihan berikut:

Apabila diperlukan — untuk mewujudkan sambungan data paket apabila aplikasi memerlukan. Sambungan akan ditutup apabila aplikasi ditamatkan.

Sentiasa bertalian — untuk menyambung kepada rangkaian data paket secara automatik apabila anda menghidupkan telefon

Anda boleh menggunakan telefon anda sebagai modem dengan menyambungkannya kepada PC yang serasi menggunakan teknologi Bluetooth. Untuk mendapatkan butiran, lihat dokumentasi Nokia PC Suite.

Panggil dan telefon

Pilih Menu > Tetapan > Panggilan.

Alihkan panggilan masuk

Pilih **Alih panggilan** (perkhidmatan rangkaian). Untuk butiran, hubungi pembekal khidmat anda.

Dail semula sepuluh kali secara automatik selepas cubaan tidak berjaya

Pilih **Dail semula automatik** > Aktif.

Dapatkan pemberitahuan panggilan masuk semasa anda dalam panggilan

Pilih **Panggilan menanti** > Aktifkan (rangkaiannya perkhidmatan).

Paparkan atau sembunyikan nombor anda pada individu yang anda hubungi

Pilih **Htr id'titi pmggl. saya** (perkhidmatan rangkaian).

Tetapkan bahasa paparan

Pilih Menu > Tetapan > Telefon > Tetapan bahasa > Bahasa telefon.

Arahan suara dan dailan suara

Gunakan telefon anda dengan menyebutkan arahan suara, dan buat panggilan telefon dengan menyebut nama yang disimpan dalam senarai kenalan.


Arahan suara dan dailan suara bergantung kepada bahasa. Pengecaman suara tidak disokong dalam semua bahasa. Untuk melihat bahasa yang disokong, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Tetapan bahasa > Bahasa pengecaman**. Untuk menepatkan bahasa pengecaman, pilih bahasa yang dikehendaki.

Nota: Menggunakan tag suara mungkin sukar dalam persekitaran yang bising atau semasa kecemasan, jadi jangan bergantung dengan dail suara semata-mata dalam semua keadaan.

Untuk melatih pengecaman suara telefon anda kepada suara anda, pilih .

Pilih Menu > Tetapan > Telefon > Pengecaman suara > Latihn p'gecamn s'ra.

Aktifkan arahan suara untuk fungsi

Untuk mengaktifkan arahan suara bagi sesuatu fungsi, pilih **Menu > Tetapan > Telefon > Pengecaman suara > Arahan suara**, ciri, dan fungsi tersebut.  menunjukkan bahawa arahan suara diaktifkan.

Untuk memainkan arahan suara yang telah diaktifkan

Tatal ke fungsi pilihan, dan pilih **Main**.

Uruskan arahan suara

Tatal ke fungsi, dan pilih **Pilihan**.

Gunakan arahan suara atau dailan suara

Dalam mod siap sedia, tekan dan tahan kekunci pilihan kanan. Nada pendek berbunyi, dan **Cakap sekarang** dipaparkan. Sebut nama kenalan yang anda hendak dail. Jika pengecaman suara berjaya, senarai padanannya yang dicadangkan dipaparkan. Telefon memainkan arahan suara padanan pertama dalam senarai. Jika ia bukan arahan yang betul, tatal ke entri lain.

Tambahan

Menu ini dan pelbagai pilihannya dipaparkan hanya jika telefon sedang atau telah disambungkan pada tambahan mudah alih yang serasi.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tambahan**. Pilih tambahan dan pilihan yang bergantung pada tambahan.

Tatarajah

Anda boleh menatarajah telefon anda dengan tetapan yang diperlukan untuk perkhidmatan tertentu. Pembekal khidmat anda juga mungkin menghantarkan anda tetapan ini.

Pilih **Menu** > **Tetapan** > **Tatarajah** dan daripada pilihan berikut:

Ttpn. tatarajah lalai — untuk melihat pembekal khidmat yang disimpan pada telefon dan menetapkan pembekal khidmat lalai

Akt. lalai dlm sma apl — untuk mengaktifkan tetapan tatarajah lalai untuk aplikasi yang disokong

Pusat aks. diutamakn — untuk melihat pusat akses yang disimpan

Ttpn p'gurus. peranti — untuk membenarkan atau mencegah telefon daripada menerima kemas kinian perisian. Pilihan ini mungkin tidak tersedia, bergantung kepada telefon anda.

Ttpn tatarajah pribdi — untuk menambah akaun peribadi baru bagi pelbagai perkhidmatan secara manual dan untuk mengaktifkan atau memadamkannya. Untuk menambah akaun peribadi baru, pilih **Tambah** atau **Pilihan** > **Tambah baru**. Pilih jenis perkhidmatan, dan masukkan parameter yang diperlukan. Untuk mengaktifkan nota peribadi, tatal kepadanya dan pilih **Pilihan** > **Aktifkan**.

Simpan semula tetapan kilang

Untuk menyimpan semula telefon kembali ke keadaan kilang, pilih **Menu** > **Tetapan** > **S/smla ttp kilang** dan daripada pilihan berikut:

Smpn semula ttpn shj — untuk menetapkan semula tetapan keutamaan tanpa memadam sebarang data peribadi.

Simpan semula smua — untuk menetapkan semula semua tetapan keutamaan dan memadam semua data peribadi, seperti kenalan, mesej dan fail media dan kekunci pengaktifan.

Menu operator

Mengakses portal kepada perkhidmatan yang dibekalkan oleh operator rangkaian anda. Untuk maklumat lanjut, hubungi operator rangkaian anda. Operator boleh mengemas kini menu ini dengan satu mesej perkhidmatan.

Galeri

Telefon anda menyokong sistem pengurusan hak digital (DRM) untuk melindungi kandungan yang diperolehi. Sentiasa periksa syarat penghantaran sebarang kandungan dan kunci pengaktifan sebelum memperolehnya, kerana ia mungkin dikenakan bayaran.

Pengurusan hak digital

Pemilik kandungan boleh menggunakan jenis teknologi pengurusan hak digital (DRM) yang berlainan untuk melindungi harta intelektualnya, termasuk hak cipta. Peranti ini menggunakan pelbagai jenis perisian DRM untuk mengakses kandungan yang dilindungi DRM. Dengan peranti ini anda boleh mengakses kandungan yang dilindungi dengan WMDRM 10, OMA DRM 1.0, OMA DRM 1.0kunci hadapan, dan OMA DRM 2.0. Jika perisian DRM tertentu gagal melindungi kandungannya, pemilik kandungan boleh meminta bahawa kemampuan perisian DRM ini untuk mengakses kandungan baru yang dilindungi DRM baru dibatalkan. Pembatalan boleh juga menghindarkan pembaharuan semula kandungan yang dilindungi DRM tersebut yang sedia ada dalam peranti anda. Pembatalan perisian DRM tersebut tidak akan menjejaskan penggunaan kandungan yang dilindungi oleh lain-lain jenis DRM atau penggunaan kandungan yang tidak dilindungi DRM.

Kandungan yang dilindungi pengurusan hak digital (DRM) disertakan dengan kunci pengaktifan yang berkaitan yang menentukan hak anda untuk menggunakan kandungan tersebut.

Jika peranti anda mempunyai kandungan yang dilindungi OMA DRM, untuk membuat sandaran kedua-dua kunci pengaktifan dan kandungan, gunakan ciri sandaran Nokia PC Suite.

Jika peranti anda mempunyai kandungan yang dilindungi WMDRM, kedua-dua kunci pengaktifan dan kandungannya akan hilang jika memori peranti diformat. Anda juga mungkin kehilangan kunci pengaktifan dan kandungannya jika fail pada peranti anda rosak. Kehilangan kunci pengaktifan atau kandungan boleh mengehadkan kebolehan anda untuk menggunakan kandungan yang sama pada peranti anda lagi. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Lihat kandungan Galeri

Pilih Menu > Galeri.

Media

Kamera dan video

Peranti anda menyokong resolusi tangkapan imej 1200x1600 piksel.

Mod kamera

Gunakan fungsi imej pegun

Pilih Menu > Media > Kamera.

Zum masuk atau keluar

Tatal ke atas atau bawah.

Tangkap imej

Pilih Tangkap.

Tetapkan mod dan masa pratonton

Pilih Pilihan > Tetapan > Masa pratonton imej.

Untuk mengaktifkan pemasa sendiri atau untuk menangkap imej dalam jujukan pantas, pilih Pilihan dan pilihan yang dikehendaki.

Mod video

Gunakan fungsi video

Pilih Menu > Media > Video.

Mula merakam klip video

Pilih Rakam.

Semasa merakam, video berkualiti rendah boleh dirakam dalam masa yang sangat lama. Untuk menukar tetapan kualiti dan untuk menetapkan tempoh maksimum klip video, pilih Menu > Media > Kamera > Pilihan > Tetapan > Kualiti klip video atau Panjang klip video.

Tukar antara mod kamera dan video

Dalam mod kamera atau video, tatal ke kiri atau kanan.

Radio FM

Pilih Menu > Media > Radio; atau dalam mod siap sedia, tekan dan tahan *.

Cari stesen terdekat

Tekan dan tahan kekunci tatal ke kiri atau kanan.

Simpan stesen

Tala ke stesen yang dikehendaki dan pilih **Pilihan** > **Simpan saluran**.

Tukar antara stesen yang disimpan

Tatal ke kiri atau kanan untuk bertukar antara stesen atau tekan kekunci nombor sepadan untuk lokasi memori bagi stesen yang dikehendaki.

Laraskan kelantangan

Tatal ke atas atau bawah.

Biarkan radio bermain dalam latar belakang

Tekan kekunci tamat.

Tutup radio

Tekan dan tahan kekunci tamat.

Perakam suara**Mula merakam**

Pilih **Menu** > **Media** > **Perakam** dan butang rakam pada paparan.

Mula merakam semasa dalam panggilan

Pilih **Pilihan** > **Rakam**. Semasa merakam panggilan, pegang telefon dalam kedudukan normal dekat dengan telinga anda. Rakaman disimpan dalam folder **Rakaman** dalam **Galeri**.

Dengar rakaman terkini

Pilih **Pilihan** > **Main rakam terakhir**.

Hantar rakaman terakhir dalam mesej multimedia

Pilih **Pilihan** > **Hntr rakaman t'akhir**.

Pemain muzik

Telefon anda merangkumi pemain muzik untuk mendengar lagu atau lain-lain fail bunyi MP3 atau AAC.

Pilih **Menu** > **Media** > **Pemain muzik**.

Mula atau jeda memainkan

Tekan kekunci tatal.

Langkau permulaan lagu semasa

Tatal ke kiri.

Langkau ke lagu sebelumnya

Tatal ke kiri dua kali.

Langkau ke lagu seterusnya

Tatal ke kanan.

Ke belakangkan lagu semasa

Tekan dan tahan kekunci tatal ke kiri.

Ke hadapankan lagu semasa dengan laju

Tekan dan tahan kekunci tatal ke kanan.

Laraskan kelantangan

Tatal ke atas atau bawah.

Bisu atau nyahbisukan pemain muzik

Tekan #.

Biarkan pemain muzik bermain dalam latar belakang

Tekan kekunci tamat.

Tutup pemain muzik

Tekan dan tahan kekunci tamat.

Aplikasi

Perisian telepon anda mungkin termasuk beberapa permainan dan aplikasi Java™ yang direka khas untuk telefon Nokia ini.

Pilih Menu > Aplikasi.

Buka permainan atau aplikasi

Pilih Permainan atau Kutipan. Tatal ke permainan atau aplikasi dan pilih Buka.

Lihat memori yang tersedia untuk pemasangan permainan dan aplikasi

Pilih Pilihan > Status memori.

Muat turun permainan atau aplikasi

Pilih Pilihan > Muat turun > Muat turun mainan atau Muat turun aplikasi.

Telefon anda menyokong aplikasi Java J2ME™. Pastikan aplikasi adalah serasi dengan telefon anda sebelum anda memuat turunnya.

Penting: Hanya pasang dan gunakan aplikasi dan perisian lain daripada sumber yang dipercayai, seperti aplikasi yang diTandatangani Symbian atau yang telah lulus ujian Java Verified™.

Aplikasi yang dimuat turun boleh disimpan dalam Galeri dan bukannya Aplikasi.

Pengatur

Jam penggera

Pilih Menu > Pengatur > Jam penggera.

Aktifkan atau nyahaktifkan penggera

Pilih Penggera:.

Tetapkan masa untuk penggera

Pilih Masa penggera:.

Tetapkan telefon untuk mengingatkan anda pada hari tertentu bagi minggu

Pilih Ulang:.

Peribadikan nada penggera

Pilih Nada penggera:.

Tetapkan tempoh tamat masa untuk amaran tunda

Pilih Tamat masa tunda:.

Hentikan penggera

Pilih Henti.

Jika anda membiarkan telefon anda terus membunyikan penggera selama seminit atau memilih **Tunda**, penggera berhenti untuk tempoh kehabisan masa sekejap, kemudian menyambung semula.

Kalendar dan senarai tugasan

Pilih Menu > Pengatur > Kalendar. Hari semasa dibingkaikan. Jika terdapat sebarang nota yang ditetapkan untuk hari tersebut, hari tersebut ditebalkan.

Tambah nota kalendar

Tatal ke tarikh dan pilih Pilihan > Buat nota.

Lihat butiran nota

Tatal ke nota dan pilih Pamer.

Padam semua nota dari kalendar

Pilih Pilihan > Padam nota > Semua nota.

Lihat senarai tugasan

Pilih Menu > Pengatur > Senarai tugasan.

Senarai tugas dipaparkan dan disusun mengikut keutamaan. Untuk menambah, memadam atau menghantar nota, untuk menandakan nota sebagai telah selesai atau untuk menyusun senarai tugas mengikut tarikh akhir, pilih **Pilihan**.

Peta

Anda boleh menyemak imbas peta untuk mendapatkan berbagai-bagai bandar dan negara yang berbeza, mencari alamat dan tempat tarikan, rancang laluan dari satu lokasi ke lokasi yang lain, menyimpan lokasi seperti tanda tempat, dan menghantarkannya ke peranti yang serasi.

Hampir semua kartografi digital tidak tepat dan tidak lengkap ke sesuatu tahap. Jangan bergantung sepenuhnya pada kartografi yang anda muat turun untuk digunakan dalam peranti ini.

Nota: Memuat turun kandungan seperti peta, imej satelit, fail suara, panduan atau maklumat lalu lintas mungkin melibatkan pemindahan jumlah data yang besar (perkhidmatan rangkaian).

Kandungan seperti imej satelit, panduan, maklumat cuaca dan lalu lintas serta perkhidmatan yang berkaitan dijana oleh pihak ketiga secara berasingan daripada Nokia. Kandungan mungkin tidak tepat dan tidak lengkap hingga takat tertentu dan tertakluk kepada ketersediaan. Jangan bergantung semata-mata pada kandungan yang tersebut dahulu dan perkhidmatan yang berkaitan.

Untuk menggunakan aplikasi Peta, pilih **Menu** > **Peta** daripada pilihan yang tersedia.

Muat turun peta

Telefon anda mungkin mengandungi peta pra pasang pada kad memori. Telefon anda boleh memuat turun set peta baru melalui internet dengan menggunakan perisian Nokia Map Loader PC.

Pemuat Peta Nokia

Untuk memuat turun Nokia Map Loader pada PC anda dan untuk mendapatkan arahan lanjut, lihat www.maps.nokia.com.

Sebelum anda memuat turun peta baru untuk pertama kali, pastikan bahawa kad memori telah dimasukkan ke dalam telefon.

Pilih **Menu** > **Peta** untuk membuat tatarajah permulaan.

Untuk menukar pemilihan peta pada kad memori anda, gunakan Nokia Map Loader untuk memadam semua peta pada kad memori dan muat turun pemilihan baru, untuk memastikan bahawa kesemua peta adalah daripada keluaran yang sama.

Perkhidmatan peta rangkaian

Anda boleh menetapkan telefon anda agar memuat turun secara automatik peta yang tiada dalam telefon anda apabila diperlukan.

Pilih Menu > Peta > Tetapan > Tetapan rangkaian > Bnrkn p'gunaan r'gkn > Ya atau Dlm. rang. rumah.

Untuk mencegah muat turun peta secara automatik, pilih **Tidak**.

Nota: Memuat turun kandungan seperti peta, imej satelit, fail suara, panduan atau maklumat lalu lintas mungkin melibatkan pemindahan jumlah data yang besar (perkhidmatan rangkaian).

Peta dan GPS

Peranti anda tidak mempunyai antena dalaman GPS. Untuk menggunakan aplikasi sambungan GPS, guna penerima GPS luaran serasi (Aksesori dijual secara berasingan) Pasangkan penerima GPS dengan peranti anda menggunakan teknologi wayarles Bluetooth. Untuk maklumat lanjut, lihat panduan pengguna penerima GPS.

Anda boleh menggunakan Sistem Penentuan Global (GPS) untuk menyokong aplikasi Peta. Cari lokasi anda, atau mengukur jarak dan plot koordinat.

Selepas menjadikan peranti anda berpasangan dengan penerima GPS luaran, ia mungkin mengambil beberapa minit untuk peranti memaparkan lokasinya pada masa itu.

Sistem Penetapan Kedudukan Global (Global Positioning System) (GPS) dikendalikan oleh pemerintah Amerika Syarikat, yang semata-mata bertanggungjawab terhadap ketepatan dan penyelenggaraan sistem tersebut. Ketepatan data lokasi boleh terjejas oleh pelarasan-pelarasan pada satelit GPS yang dibuat oleh pemerintah Amerika Syarikat dan tertakluk pada perubahan dengan dasar GPS sivil Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat dan Rancangan Radionavigasi Federal. Ketepatan juga boleh terjejas oleh geometri satelit yang kurang baik. Ketersediaan dan mutu isyarat GPS mungkin terjejas disebabkan lokasi anda, bangunan, halangan semula jadi, dan keadaan cuaca. Isyarat GPS mungkin tidak terdapat di dalam bangunan atau di bawah tanah dan mungkin menjadi lemah oleh bahan seperti konkrit dan logam.

GPS tidak seharusnya digunakan untuk pengukuran lokasi yang tepat dan anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata pada data lokasi daripada penerima GPS dan rangkaian radio selular untuk penentuan kedudukan atau navigasi.

Perkhidmatan tambahan

Anda boleh menaik taraf Peta dengan navigasi berpanduan suara sepenuhnya, yang memerlukan lesen wilayah.

Untuk menggunakan perkhidmatan ini, anda memerlukan peranti GPS luaran serasi yang menyokong teknologi wayarles Bluetooth.

Untuk membeli perkhidmatan navigasi dengan panduan suara pilih Menu > Peta > P'khidmtn tambahn > Beli navigasi, dan ikuti arahan.

Untuk mengguankan navigasi dengan panduan suara, anda mesti membenarkan aplikasi Peta untuk menggunakan sambungan rangkaian.

Lesen navigasi disambungkan ke kad SIM anda. Jika anda memasukkan kad SIM lain di dalam telefon anda, anda diminta untuk membeli lesen apabila memulakan navigasi. Semasa prosedur pembelian, anda ditawarkan untuk memindahkan lesen navigasi yang sedia ada ke kad SIM yang baru tanpa bayaran tambahan.

Web atau Internet

Anda boleh mengakses pelbagai perkhidmatan internet dengan penyemak imbas telefon anda. Penampilan halaman web mungkin berbeza mengikut saiz skrin. Anda mungkin tidak dapat melihat semua butiran pada halaman web.

Bergantung kepada telefon anda, fungsi menyemak imbas mungkin dipaparkan sebagai Web atau Internet dalam menu, selepas ini dirujuk sebagai Web.

Penting: Gunakan hanya layanan yang Anda percaya dan yang menawarkan perlindungan memadai dan proteksi terhadap perangkat lunak berbahaya.

Untuk ketersediaan perkhidmatan ini, penentuan harga dan arahan, hubungi pembekal khidmat anda.

Anda boleh menerima tetapan tatarajah yang diperlukan untuk menyemak imbas sebagai mesej tatarajah daripada pembekal khidmat anda.

Sambung kepada perkhidmatan web

Pilih Menu > Web > Rumah. Atau dalam mod siap sedia, tekan dan tahan 0.

Selepas anda membuat sambungan ke perkhidmatan tersebut, anda boleh mula menyemak imbas halaman-halamannya. Fungsi kekunci telefon boleh berubah dalam khidmat yang berlainan. Ikut panduan teks pada paparan telefon. Untuk maklumat lanjut, hubungi pembekal khidmat anda.

Perkhidmatan SIM

Kad SIM anda mungkin menyediakan khidmat-khidmat tambahan. Anda boleh mengakses menu ini hanya jika ia disokong oleh kad SIM anda. Nama dan kandungan menu ini bergantung kepada khidmat yang tersedia.

Petua hijau



Di sini terdapat petua mengenai bagaimana anda boleh memberi sumbangan untuk melindungi alam sekitar.

Menjimat tenaga

Apabila anda telah mengemas bateri sepenuhnya dan memutuskan sambungan pengecas daripada peranti, jangan lupa mencabut pengecas daripada alur keluar dinding.

Anda tidak perlu mengemas bateri anda begitu kerap jika anda melakukan yang berikut ini:

- Menutup dan menyahdayakan aplikasi, perkhidmatan dan sambungan apabila anda tidak menggunakannya.
- Mengurangkan kecerahan skrin.
- Menetapkan peranti supaya memasuki mod penjimat tenaga setelah tempoh minimum tiada aktiviti, jika tersedia dalam peranti anda.
- Menyahdayakan bunyi yang tidak perlu seperti nada pad kekunci. Menetapkan kelantangan peranti anda pada tahap yang sederhana.

Mengitar semula

Adakah anda ingat untuk mengitar semula peranti lama anda? 65-80% daripada bahan dalam telefon mudah alih Nokia boleh dikitar semula. Sentiasa kembalikan produk elektronik, bateri dan bahan pembungkusan anda yang telah digunakan ke pusat pengumpulan yang dikhususkan. Dengan berbuat demikian, anda membantu mencegah pelupusan sisa buangan yang tidak terkawal dan menggalakkan pengitaran semula bahan. Semak cara mengitar semula produk Nokia anda di www.nokia.com/werecycle atau www.nokia.mobi/werecycle.

Anda boleh mengitar semula pembungkusan dan panduan pengguna di skim pengitaran semula tempatan anda.

Dapatkan maklumat lanjut

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai sifat persekitaran peranti anda, lihat www.nokia.com/ecodeclaration.

Aksesori

Aksesori asal Nokia

Amaran:

Gunakan hanya bateri, pengecas, dan aksesori yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan khususnya dengan model ini. Penggunaan sebarang jenis lain bateri, pengecas dan aksesori boleh mentaksahkan apa-apa kelulusan atau jaminan, dan mungkin berbahaya. Penggunaan pengecas atau bateri yang tidak luluskan, terutamanya, boleh mengakibatkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran, atau bahaya yang lain.

Untuk ketersediaan aksesori yang diluluskan, sila tanya wakil penjual anda.



Pelbagai jenis aksesori tersedia untuk peranti anda. Untuk maklumat lanjut, lihat www.nokia-asia.com/accessories.

Peraturan berguna berkaitan aksesori

- Jauhkan semua aksesori daripada jangkauan kanak-kanak kecil.
- Apabila anda mencabut kord kuasa sebarang aksesori, genggam dan tarik plagnya, bukan kordnya.
- Periksa secara tetap bagi memastikan bahawa sebarang aksesori yang dipasang pada kenderaan telah dipasang dan beroperasi dengan betul.
- Pemasangan sebarang aksesori kereta yang kompleks mesti dibuat oleh kakitangan berkelayakan sahaja.

Bateri

Jenis	Masa bercakap	Siap sedia
BL-5C	Sehingga 170 minit jam (WCDMA/GSM)	Sehingga 350 jam (WCDMA/GSM)

Penting: Masa bual dan siap sedia bateri adalah anggaran dan hanya mungkin di bawah keadaan rangkaian yang optimum. Masa bual dan siap sedia bateri yang sebenar bergantung pada kad SIM, ciri yang digunakan, umur dan keadaan bateri, suhu bateri didedahkan, keadaan rangkaian, dan banyak faktor lain, dan boleh jadi jauh lebih pendek berbanding dengan masa yang dinyatakan di atas. Nada dering, pengendalian panggilan bebas tangan, penggunaan

dalam mod digital, dan ciri lain juga menggunakan kuasa, dan jumlah masa peranti digunakan untuk panggilan akan mempengaruhi masa siap sedianya. Jumlah masa peranti dihidupkan dan berada dalam mod siap sedia juga akan menjejaskan masa bercakapnya.

Bateri

Maklumat bateri dan pengecas

Peranti anda mendapat kuasa dari bateri yang boleh dicas semula. Bateri yang dimaksudkan untuk penggunaan dengan peranti ini adalah BL-5C. Nokia mungkin membuat model bateri tambahan tersedia untuk peranti ini. Peranti ini dimaksudkan untuk digunakan apabila mendapat bekalan kuasa dari pengecas yang berikut: AC-3. Nombor model pengecas yang sebenar mungkin berbeza-beza bergantung pada jenis palam. Varian palam dikenal pasti dengan salah satu daripada yang berikut: E, EB, X, AR, U, A, C, K, atau UB.

Bateri boleh dicas dan dinyahcas beratus-ratus kali, tetapi lama kelamaan ia akan haus. Apabila masa bual dan masa siap sedia nyata lebih pendek dari biasa, gantikanlah bateri. Gunakan hanya bateri yang diluluskan oleh Nokia, dan cas semula bateri anda hanya dengan pengecas yang diluluskan oleh Nokia untuk digunakan dengan peranti ini.

Jika bateri digunakan buat pertama kalinya atau jika bateri telah tidak digunakan untuk tempoh yang lama, anda mungkin perlu menyambungkan pengecas dan kemudian mencabutnya dan menyambungkannya semula untuk memulakan pengecasan. Jika bateri benar-benar kehabisan kuasa, beberapa minit mungkin diperlukan sebelum penunjuk pengecasan muncul di paparan atau sebelum sebarang panggilan boleh dibuat.

Pengeluaran selamat. Sentiasa matikan peranti ini dan cabut pengecas sebelum mengeluarkan bateri.

Pengecasan yang betul Cabut pengecas dari palam elektrik dan peranti ini apabila tidak digunakan. Jangan biarkan bateri yang telah dicas penuh tersambung kepada pengecas, kerana pengecasan berlebihan boleh memendekkan hayatnya. Jika dibiarkan tanpa digunakan, bateri yang dicas penuh lama kelamaan akan hilang casnya.

Elakkan suhu melampau. Sentiasa cuba kekalkan bateri antara 15°C dan 25°C (59°F dan 77°F). Suhu yang melampau mengurangkan keupayaan dan jangka hayat bateri. Peranti dengan bateri yang sejuk atau panas mungkin tidak akan berfungsi buat sementara waktu. Prestasi bateri terhad terutamanya dalam suhu yang jauh di bawah beku.

Jangan litar pintas. Melitar pintas secara tidak sengaja boleh berlaku apabila objek logam seperti duit syiling, klip, atau pen menyebabkan sambungan langsung terminal positif (+) dan negatif (-) bateri. (Ia kelihatan seperti jalur-jalur logam pada bateri.) Ini mungkin berlaku, contohnya, apabila anda

membawa bateri ganti di dalam saku atau beg tangan anda. Melitar pintas terminal boleh merosakkan bateri atau objek yang menyambungkan.

Penghapusan. Jangan buang bateri ke dalam api kerana ia boleh meletup. Buang bateri menurut peraturan tempatan. Sila kitar semula jika boleh. Jangan buang sebagai sisa rumah.

Kebocoran. Jangan hapus, kerat, buka, musnah, bengkok, tebuk, atau cincang sel atau bateri. Sekiranya bateri bocor, elakkan cecair bateri daripada tersentuh kulit atau mata. Sekiranya perkara ini berlaku, segera siram bahagian yang berkenaan dengan air, atau dapatkan bantuan perubatan.

Kerosakan. Jangan ubah suai, mengilang semula, cuba untuk memasukkan objek asing ke dalam bateri, serta merendam atau mendedahkannya pada air atau cecair yang lain. Bateri boleh meletup jika rosak.

Penggunaan yang betul. Gunakan bateri hanya untuk tujuan kegunaannya. Penyalahgunaan bateri boleh mengakibatkan kebakaran, letupan, atau bahaya yang lain. Jika peranti atau bateri dijatuhkan, terutamanya pada permukaan keras, dan anda percaya bateri itu rosak, bawanya ke pusat perkhidmatan untuk pemeriksaan sebelum anda menggunakannya semula. Jangan sekali-kali menggunakan sebarang pengecas atau bateri yang rosak. Jauhkan bateri anda dari capaian kanak-kanak kecil.

Menjaga peranti anda

Peranti anda adalah produk hasil reka bentuk dan ketukangan unggul dan patut dijaga dengan baik. Saranan berikut akan membantu anda melindungi perlindungan jaminan anda.

- Pastikan peranti ini sentiasa kering. Pemendakan, kelembapan, dan semua jenis cecair atau lembapan mungkin mengandungi mineral-mineral yang akan mengakis litar elektronik. Jika peranti anda menjadi basah, keluarkan baterinya, dan biarkan peranti ini benar-benar kering sebelum memasangnya semula.
- Jangan gunakan atau simpan peranti ini di tempat yang berhabuk dan kotor. Bahagian yang bergerak dan komponen elektroniknya boleh menjadi rosak.
- Jangan simpan peranti pada suhu yang tinggi atau sejuk. Suhu tinggi boleh memendekkan hayat peranti elektronik, merosakkan bateri, dan meledingkan atau mencairkan plastik tertentu. Apabila peranti memanas kepada suhu normalnya daripada suhu sejuk, lembapan boleh terbentuk di dalam peranti, dan merosakkan papan litar elektronik.
- Jangan cuba membuka peranti ini dengan cara yang lain daripada yang diarahkan di dalam panduan ini.
- Jangan jatuhkan, ketuk atau goncang peranti ini. Pengendalian yang kasar boleh memecahkan papan litar dalaman dan mekanisme halus.

- Jangan gunakan bahan kimia, pelarut pembersihan, atau bahan cuci yang kuat untuk membersihkan peranti ini. Hanya gunakan kain yang lembut, bersih, kering untuk membersihkan permukaan peranti.
- Jangan cat peranti ini. Cat boleh menyebabkan bahagian yang bergerak menjadi tersumbat dan menghalang operasi sempurna.
- Gunakan hanya antena gantian yang dibekalkan atau diluluskan. Antena, pengubahsuaian atau pemasangan yang tidak diluluskan boleh merosakkan peranti ini dan mungkin melanggar peraturan yang berkuatkuasa bagi peranti radio.
- Gunakan pengecas di dalam bangunan.
- Sandarkan semua data yang anda hendak simpan, seperti kenalan dan nota kalendar.
- Untuk menetapkan semula peranti dari semasa ke semasa untuk mendapatkan prestasi yang optimum, matikan peranti dan keluarkan bateri.

Saranan ini boleh digunakan bagi peranti anda, bateri, pengecas atau sebarang tambahan.

Kitar semula

Sentiasa kembalikan produk elektronik, bateri dan bahan pembungkusan anda yang telah digunakan ke pusat pengumpulan yang khusus. Dengan cara ini anda membantu untuk menghalang pembuangan sisa yang tidak terkawal serta menggalakkan penggunaan semula bahan. Lihat maklumat persekitaran produk dan cara mengitar semula produk Nokia anda di www.nokia.com/werecycle, atau nokia.mobi/werecycle.

Maklumat keselamatan tambahan

Permukaan peranti ini bebas nikel.

Kanak-kanak kecil

Peranti anda dan aksesori bukan mainan. Ia mungkin mengandungi bahagian-bahagian kecil. Jauhkannya dari capaian kanak-kanak kecil.

Persekitaran beroperasi

Peranti ini memenuhi garis panduan pendedahan RF dalam kedudukan biasa pada telinga atau sekurang-kurangnya 2.2 sentimeter (7/8 inci) jauh daripada badan. Sebarang sarung pembawa, klip tali pinggang atau pemegang yang dipakai pada badan tidak seharusnya mengandungi logam dan peranti hendaklah diletakkan sejauh jarak yang disebut di atas daripada badan.

Untuk menghantar fail data atau mesej memerlukan sambungan yang bermutu kepada rangkaian. Fail data atau mesej mungkin tertunda sehingga sambungan demikian terdapat. Ikut arahan jarak pemisahan sehingga penghantaran selesai.

Sebahagian daripada peranti ini adalah bermagnet. Bahan-bahan logam boleh tertarik pada peranti ini. Jangan letakkan kad kredit atau media storan bermagnet lain berdekatan dengan peranti, kerana maklumat yang tersimpan padanya mungkin boleh terpadam.

Alat perubatan

Pengendalian peralatan pemancar radio, termasuk telefon wayarles, boleh mengganggu fungsi alat-alat perubatan yang tidak dilindungi secukupnya. Rujuk pakar perubatan atau pengilang alat perubatan tersebut untuk menentukan sama ada ia dilindungi secukupnya daripada tenaga RF luaran. Matikan peranti anda di tempat peraturan yang ditampalkan mengarahkan anda berpada demikian. Hospital atau kemudahan jagaan kesihatan menggunakan peralatan yang peka terhadap tenaga RF luaran.

Alat perubatan yang diimplan

Pengilang alat perubatan menyarankan bahawa pemisahan minimum sebanyak 15.3 sentimeter (6 inci) dikekalkan antara peranti wayarles dan alat perubatan yang diimplan, seperti perentak jantung atau kardioverter defibrilator yang diimplan, untuk mengelakkan gangguan yang mungkin berlaku dengan alat perubatan tersebut. Orang yang memiliki peranti sedemikian hendaklah:

- Sentiasa pastikan peranti wayarles berada lebih daripada 15.3 sentimeter (6 inci) dari alat perubatan.
- Tidak membawa peranti ini di dalam saku dada.
- Pegang peranti wayarles pada telinga yang bertentangan dengan alat perubatan.
- Matikan peranti wayarles jika terdapat sebarang sebab untuk mengesyaki gangguan sedang berlaku.
- Ikut arahan pengilang untuk alat perubatan yang diimplan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai penggunaan peranti wayarles dengan alat perubatan yang diimplan, rujuk penyedia jagaan kesihatan anda.

Alat bantuan pendengaran

Sesetengah peranti wayarles digital boleh mengganggu sesetengah alat bantuan pendengaran.

Kenderaan

Isyarat RF mungkin menjejaskan sistem elektronik yang tidak dipasangkan dengan betul atau yang tidak dilindungi secukupnya di dalam kenderaan bermotor seperti pancit bahan api elektronik, sistem brek elektronik antikelincir (antikunci), sistem kawalan kelajuan elektronik, dan sistem beg udara. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, semak dengan pengilang kenderaan anda atau pengilang peralatannya.

Hanya kakitangan yang berkelayakan yang harus menjalankan servis pada peranti atau memasang peranti di dalam kenderaan. Pemasangan atau servis yang tidak betul mungkin berbahaya dan mungkin menaksahkan jaminan anda. Sentiasa jalankan pemeriksaan untuk memastikan bahawa semua peralatan peranti wayarles dalam kenderaan anda dilekapkan dan beroperasi dengan betul. Jangan simpan atau bawa sebarang cecair mudah bakar, gas atau bahan letupan dalam ruang yang sama dengan peranti, bahagian-bahagiannya atau aksesori. Ingat bahawa beg udara mengembang dengan daya yang kuat. Jangan letakkan peranti atau aksesori anda di kawasan pengembangan beg udara tersebut.

Matikan peranti anda sebelum menaiki pesawat. Penggunaan peranti tele wayarles dalam pesawat adalah berbahaya kepada pengendalian pesawat dan mungkin menyalahi undang-undang.

Persekitaran di mana letupan boleh berlaku

Matikan peranti anda dalam mana-mana kawasan yang mempunyai suasana potensi mudah meletup. Patuhi semua arahan yang ditampal. Percikan api di kawasan tersebut boleh menyebabkan letupan atau kebakaran yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian. Matikan peranti di tempat pengisian semula bahan api seperti berhampiran dengan pam minyak di stesen servis. Patuhi sekatan di depot bahan api, kawasan penyimpanan dan pengalihan, loji kimia atau tempat operasi letupan sedang dijalankan. Kawasan yang mempunyai suasana potensi mudah meletup kerap, tetapi tidak sentiasa, ditanda dengan jelas. Ini termasuk kawasan tempat anda dinasihatkan untuk mematikan enjin kenderaan anda, di bahagian bawah dek kapal, pemindahan bahan kimia atau kemudahan penyimpanan dan tempat di mana udara mengandungi bahan kimia atau partikel seperti bijirin, habuk atau serbuk logam. Anda hendaklah memeriksa dengan pengilang kenderaan yang menggunakan gas petroleum cair (seperti propana atau butana) untuk menentukan sama ada peranti ini boleh digunakan dengan selamat di kawasan persekitarannya.

Panggilan kecemasan

Penting: Peranti ini beroperasi menggunakan isyarat radio, rangkaian wayarles, rangkaian talian darat, dan fungsi yang diprogram pengguna. Jika peranti anda menyokong panggilan suara melalui internet (panggilan internet), aktifkan kedua-dua panggilan internet dan telefon selular. Peranti mungkin cuba membuat panggilan kecemasan melalui kedua-dua rangkaian selular dan melalui pembekal panggilan internet anda jika kedua-duanya diaktifkan. Sambungan dalam semua keadaan tidak dapat dijamin. Anda tidak harus sekali-kali bergantung semata-mata kepada sebarang peranti wayarles untuk komunikasi penting seperti kecemasan perubatan.

Untuk membuat panggilan kecemasan:

- 1 Jika peranti ini belum dihidupkan, hidupkan ia. Periksa untuk memastikan kekuatan isyarat yang mencukupi. Bergantung kepada peranti anda, anda mungkin perlu melengkapkan perkara yang berikut:
 - Masukkan kad SIM jika peranti anda menggunakannya.
 - Buangkan batasan panggilan tertentu yang telah anda aktifkan dalam peranti anda.
 - Tukar profil anda daripada Luar talian atau profil Penerbangan ke profil yang aktif.
- 2 Tekan kekunci tamat seberapa banyak kali yang perlu untuk mengosongkan paparan dan menyediakan peranti ini untuk panggilan.
- 3 Masukkan nombor kecemasan rasmi bagi lokasi semasa anda. Nombor kecemasan berbeza-beza mengikut lokasi.
- 4 Tekan kekunci panggil .

Apabila membuat panggilan kecemasan, berikan semua maklumat yang diperlukan seberapa tepat yang mungkin. Peranti wayarles anda mungkin satu-satunya alat komunikasi di tempat kemalangan itu. Jangan tamatkan panggilan sehingga dibenarkan berbuat demikian.

Maklumat pensijilan (SAR)

Peranti mobil ini memenuhi garis panduan antarabangsa bagi pendedahan kepada gelombang radio.

Peranti mudah alih anda adalah sebuah pemancar dan penerima radio. Ia direka untuk tidak melebihi had pendedahan kepada gelombang radio yang disarankan oleh garis panduan antarabangsa. Garis panduan ini dihasilkan oleh pertubuhan saintifik ICNIRP dan merangkumi margin keselamatan yang direka bentuk bagi memastikan keselamatan semua orang, tidak kira usia dan kesihatan.

Garis panduan pendedahan bagi peranti-peranti mudah alih menggunakan unit ukuran yang disebut sebagai Kadar Penyerapan Tertentu (Specific Absorption Rate) atau SAR. Had SAR yang dinyatakan di dalam garis panduan ICNIRP adalah 2.0 watts/kilogram (W/kg) dipuratakan kepada sepuluh gram tisu. Ujian bagi SAR yang dijalankan menggunakan kedudukan operasi biasa dengan peranti memancar pada aras kuasa yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Paras SAR sebenar bagi peranti yang beroperasi mungkin adalah jauh di bawah nilai maksimum kerana peranti direka bentuk untuk menggunakan hanya kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian. Jumlahnya berubah bergantung kepada beberapa faktor seperti sejauh mana jarak anda dengan stesen pangkalan rangkaian.

Nilai SAR tertinggi mengikut garis panduan ICNIRP untuk penggunaan peranti ini pada telinga ialah 1.02 W/kg.

Penggunaan aksesori peranti boleh menghasilkan nilai-nilai SAR yang berbeza-beza. Nilai SAR mungkin berubah-ubah bergantung kepada keperluan laporan kebangsaan dan pengujian dan jalur rangkaian. Maklumat SAR tambahan boleh diberikan di bawah maklumat produk di www.nokia.com.

WARANTI TERHAD PENGILANG

Waranti Terhad ini adalah tambahan kepada, dan tidak menjejaskan hak (berkanun) undang-undang anda mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di negara anda berkaitan dengan jualan produk pengguna.

Nokia Corporation ("Nokia") menyediakan Waranti Terhad ini kepada orang yang telah membeli produk Nokia yang disertakan di dalam pakej jualan ("Produk").

Nokia membenarkan anda semasa tempoh waranti Nokia atau syarikat servis yang dibenarkan Nokia akan tempoh mengikut budi bicaranya yang mutlak, menggantikan Produk mengikut Waranti Terhad ini (kecuali jika sebaliknya dikehendaki oleh undang-undang). Waranti Terhad ini hanyalah sah dan boleh dikuatkuasakan di dalam negara tempat anda membeli Produk dengan syarat ia dimaksudkan untuk dijual di negara tersebut.

Tempoh waranti

Tempoh waranti bermula pada masa pembelian asal Produk oleh pengguna akhir pertama. Produk boleh mengandungi beberapa bahagian yang berlainan dan bahagian yang berlainan ini mungkin dilindungi oleh tempoh waranti yang berlainan (kemudian daripada ini "Tempoh Waranti"). Tempoh Waranti yang berlainan adalah:

a) dua belas (12) bulan untuk peranti dan aksesori mudah alih (sama ada disertakan dalam pakej jualan peranti mudah alih atau dijual secara berasingan) selain daripada bahagian dan aksesori guna habis yang disenaraikan dalam (b) dan (c) di bawah;

b) enam (6) bulan bagi bahagian dan aksesori guna habis yang berikut: bateri, pengecas, dirian meja, alat dengar, kabel dan penutup; dan

c) sembilan puluh (90) hari untuk media yang disediakan oleh mana-mana perisian, contohnya, CD-ROM atau kad memori

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang negara anda, Tempoh Waranti tidak akan dilanjutkan atau diperbaharui atau jika sebaliknya terjejas disebabkan jualan semula,

pembaikan atau penggantian berikutnya Produk tersebut. Walau bagaimanapun, bahagian yang dibaiki akan diwarantikan untuk baki Tempoh Waranti asal atau selama enam puluh (60) hari daripada tarikh pembaikan, manamana yang lebih lama.

Bagaimana untuk mendapatkan servis waranti

Jika anda hendak membuat tuntutan di bawah Waranti Terhad, anda boleh menghubungi pusat panggilan Nokia (apabila ia boleh didapati dan sila ambil perhatian kadar negara yang dikenakan untuk menghubunginya) dan/atau apabila perlu, kembalikan Produk atau bahagian yang terjejas (jika ia bukan seluruh Produk) ke pusat layanan Nokia atau lokasi servis Nokia yang dikhususkan. Maklumat mengenai pusat layanan Nokia, lokasi servis Nokia yang dikhususkan dan pusat panggilan Nokia boleh didapati di halaman web Nokia tempatan apabila boleh didapati.

Anda mesti memulangkan Produk atau bahagian yang terjejas anda (jika ia bukan seluruh Produk) ke pusat layanan Nokia atau lokasi servis Nokia yang dikhususkan sebelum tamat masa Tempoh Waranti.

Apabila membuat tuntutan Waranti Terhad anda perlu memberikan: a) Produk (atau bahagian yang terjejas padanya), b) bukti pembelian asal yang mudah dibaca dan tidak diubah suai, yang jelas menunjukkan nama dan alamat penjual, tarikh dan tempat pembelian, jenis produk dan IMEI atau nombor siri yang lain.

Waranti Terhad hanya meliputi pengguna akhir pertama yang asal Produk ini dan tidak boleh diberikan atau dipindahkan kepada mana-mana pembeli/pengguna akhir berikutnya.

Apakah yang tidak diliputi?

1. Waranti Terhad ini tidak meliputi manual pengguna atau mana-mana perisian, tetapan, kandungan, data atau pautan pihak ketiga, sama ada disertakan/dimuat turun dalam Produk, sama ada disertakan semasa pemasangan, penghimpunan, pengiriman atau pada masa lain dalam rantai penghantaran atau jika tidak dan dengan apa-apa cara anda memperolehinya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, Nokia tidak membenarkan bahawa mana-mana perisian Nokia akan memenuhi keperluan anda, akan berfungsi dengan mana-mana perkakasan atau aplikasi perisian yang disediakan oleh pihak ketiga, bahawa pengoperasian perisian akan terganggu atau bebas ralat atau bahawa mana-mana kecacatan dalam perisian boleh dibetulkan atau akan dibetulkan.

2. Waranti Terhad ini tidak meliputi a) penggunaan haus dan lusuh biasa (termasuk, tanpa batasan, haus dan lusuh kanta kamera, bateri atau pemapar), b) kos pengangkutan, c) kecacatan yang disebabkan oleh pengendalian yang kasar (termasuk, tanpa batasan, kecacatan yang disebabkan oleh

bahan tajam, dengan membengkokkan, memampatkan atau menjatuhkan, dsb.), d) kecacatan atau kerosakan yang disebabkan oleh salah guna Produk, termasuk penggunaan yang bertentangan dengan arahan yang diberikan oleh Nokia (contohnya, seperti yang dikemukakan dalam panduan pengguna) dan/atau e) tindakan lain yang melampaui kawalan Nokia.

3. Waranti Terhad ini tidak meliputi kecacatan penutup atau kecacatan penutup yang dikatakan disebabkan oleh Produk yang digunakan bersamanya, atau disambungkan dengan, produk, aksesori, perisian dan/atau perkhidmatan yang tidak dikeluarkan, dibekalkan atau dibenarkan oleh Nokia atau digunakan selain daripada penggunaan yang dimaksudkan. Kecacatan boleh disebabkan oleh virus dari akses tidak dibenarkan yang dilakukan oleh anda atau pihak ketiga kepada perkhidmatan, akaun lain, sistem komputer atau rangkaian. Akses yang tidak dibenarkan ini boleh berlaku melalui penggodaman, pelombongan kata laluan atau melalui pelbagai cara lain.

4. Waranti Terhad ini tidak meliputi kecacatan yang disebabkan oleh bateri yang terlihar pintas atau disebabkan kedap pengurangan bateri atau sel yang pecah atau menunjukkan kesan diubah suai atau bateri telah digunakan dalam peralatan selain untuk peralatan yang telah dinyatakan.

5. Waranti Terhad ini tidak digunakan jika Produk telah dibuka, diubah suai atau dibaiki oleh orang selain yang dibenarkan oleh pusat servis yang dibenarkan, jika ia dibaiki dengan menggunakan bahagian ganti yang tidak dibenarkan atau jika nombor siri Produk, kod tarikh aksesori mudah alih, atau nombor IMEI telah dikeluarkan, dipadam, dirosakkan, diubah atau tidak mudah dibaca dalam apa cara sekali pun dan ini akan ditentukan mengikut budi bicara Nokia semata-mata.

6. Waranti Terhad ini tidak digunakan jika produk telah didedahkan kepada lembapan, kelembapan atau keadaan terma atau persekitaran yang melampaui atau perubahan pantas dalam keadaan sedemikian, kakisan, pengoksidaan, tumpahan makanan atau cecair atau pengaruh daripada produk kimia.

Notis penting lain

Operator bebas pihak ketiga menyediakan kad SIM dan selular dan/atau rangkaian atau sistem lain untuk Produk beroperasi. Dengan ini, Nokia tidak akan memikul tanggungjawab di bawah waranti ini untuk pengoperasian, ketersediaan, liputan, perkhidmatan atau lingkungan jarak selular atau rangkaian atau sistem lain. Sebelum Produk boleh dibaiki atau diganti, operator mungkin perlu membuka kunci mana-mana kunci SIM atau kunci lain yang mungkin telah ditambah untuk mengunci produk kepada rangkaian atau operator yang tertentu. Oleh sebab itu, Nokia tidak

memikul tanggungjawab bagi mana-mana kelewatan dalam pembaikan waranti atau atas ketidakupayaan Nokia untuk menyempurnakan pembaikan waranti yang disebabkan oleh kelewatan atau kegagalan operator untuk membuka mana-mana kunci SIM atau kunci lain.

Harap ingat untuk membuat salinan sandaran atau menyimpan catatan bertulis semua kandungan dan data penting yang disimpan dalam Produk anda, kerana kandungan dan data mungkin hilang semasa pembaikan atau penggantian Produk. Nokia, secara yang selaras dengan peruntukan seksyen yang bertajuk "Batasan Liabiliti Nokia" di bawah, setakat yang dibenarkan undang-undang yang berkuat kuasa, tidak akan menurut mana-mana keadaan bertanggungjawab, sama ada secara nyata atau tersirat, atas mana-mana kerosakan atau kerugian dalam apa jenis sekali pun yang berpunca daripada kerugian, kerosakan pada, atau, kerosakan, kandungan atau data semasa pembaikan atau penggantian Produk.

Semua bahagian Produk atau peralatan lain yang telah digantikan oleh Nokia akan menjadi harta Nokia. Jika Produk yang dikembalikan tidak diilipi oleh terma dan syarat Waranti Terhad, Nokia dan syarikat perkhidmatannya yang dibenarkan berhak untuk mengenakan bayaran pengendalian. Apabila membeli atau menggantikan Produk, Nokia boleh menggunakan produk atau bahagian yang baru, sama dengan baru atau dipulihkan.

Produk anda mungkin mengandungi unsur khusus negara, termasuk perisian. Jika Produk telah dieksportkan semula dari negara destinasi asal ke negara lain, Produk mungkin mengandungi unsur khusus negara yang tidak dianggap sebagai kecacatan mengikut Waranti Terhad ini.

Batasan Liabiliti Nokia

Waranti Terhad ini adalah pemulihan semata-mata dan eksklusif anda terhadap Nokia dan liabiliti semata-mata dan eksklusif Nokia berhubung dengan kecacatan dalam Produk anda. Walau bagaimanapun, Waranti Terhad ini tidak akan terma ada mengeluarkan atau membataskan i) mana-mana hak (berkanun) undang-undang anda mengikut undang-undang negara yang berkuat kuasa atau ii) mana-mana hak anda terhadap penjual Produk.

Waranti Terhad ini menggantikan semua waranti dan liabiliti Nokia yang lain, sama ada lisan, bertulis (tidak mandatori) berkanun, berkontrak, secara tort atau sebaliknya, termasuk, tanpa batasan, dan apabila dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, mana-mana keadaan yang tersirat, waranti atau terma lain seperti kualiti atau kesesuaian yang memuaskan untuk tujuannya. Sehingga setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa, Nokia tidak menanggung mana-mana liabiliti atas kehilangan atau kerosakan pada atau pencemaran data, atau sebarang kerugian keuntungan, kehilangan penggunaan Produk atau

kefungsian, kehilangan perniagaan, kehilangan kontrak, kerugian hasil atau kerugian simpanan yang dijangka, kos atau perbelanjaan yang meningkat atau bagi mana-mana kerugian atau kerosakan yang tidak langsung, kerugian atau kerosakan turutan, atau kerugian atau kerosakan khusus. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuasa kuasa, liabiliti Nokia akan terhad kepada nilai pembelian Produk. Batasan di atas tidak akan dikenakan pada kematian atau kecederaan diri yang berpunca daripada kelalaian Nokia yang terbukti.

Kewajipan berkanun

Waranti Terhad ini mesti dibaca bertakluk kepada mana-mana peruntukan berkanun yang menandakan waranti atau syarat bagi Waranti Terhad ini yang tidak boleh dikeluarkan, dihadkan atau diubah suai atau tidak boleh dikeluarkan, dihadkan atau diubah suai kecuali setakat yang terhad. Jika peruntukan berkanun yang sedemikian ini dikenakan, setakat yang boleh dilakukan Nokia, liabilitinya mengikut peruntukan tersebut akan dibataskan, sebagai pilihannya untuk, sekiranya barangan: penggantian barangan atau bekalan barangan yang sama, pembaikan barangan, pembayaran kos menggantikan barangan atau memperoleh barangan yang sama, atau pembayaran kos untuk membaiki barangan; dan sekiranya perkhidmatan: pembekalan lagi perkhidmatan atau pembayaran kos untuk menyambungkan kembali perkhidmatan.

Nota: Produk anda adalah peranti elektronik yang canggih. Nokia amat menggalakkan anda agar membiasakan diri anda dengan panduan pengguna dan arahan yang diberikan bersama dan untuk Produk. Sila juga ambil perhatian bahawa produk mungkin mengandungi paparan kepersisan tinggi, kanta kamera dan bahagian sedemikian lain, yang boleh tercalar atau jika tidak, rosak jika tidak dikendalikan dengan berhati-hati.

Semua maklumat waranti, ciri dan spesifikasi produk adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis.

Nokia Corporation

Keilalahdentie 2-4

FIN-02150 Espoo

Finland

Indeks**A**

Aksesori asal Nokia	44
alat dengar	7
aplikasi	35
arahan suara	27

B

bahagian	8
bateri	
— mengecap	6

D

dailan pantas	14
dailan suara	27

E

e-mel	19
-------	----

G

GPS (sistem penentududukan global)	39
GSM	11

I

IM	20
input teks ramalan	15
input teks tradisional	15
internet	41

K

kad memori	5
kad mikroSD	5
kad SIM	10
Kad SIM	5
kata laluan	12
Kawalan kelantangan	8
kawal kekunci	9
kekunci	8

kemas kinian	
— perisian peranti	12
kemas kinian perisian	12
kod akses	12
kod keselamatan	12
kunci pad kekunci	9

L

log panggilan	23
---------------	----

M

Maklumat sokongan Nokia	13
menu operator	30
mesej	
— mesej audio	19
mesej audio	19
mesej kilat	19
mesej segera	20
mod luar talian	10
mod nombor	15
mod teks	15

N

nada	24
nombor pusat mesej	18

P

panggilan	14
paparan	24
pengatur	36
pengecaman suara	27
penyemak imbas	41
perakam suara	33
permainan	35
Peta	38
PIN	12
pintasan	24
profil	24

S

sumber sokongan	13
-----------------	----

T

tambahan	28
tatarajah	28
tetapan	24
— kilang	28
— masa	24
— nada	24
— paparan	24
— tarikh	24
— tatarajah	28
— telefon	27
tetapan rangkaian	11
tulis teks	15

U

UMTS	11
------	----

W

web	41
-----	----

PENGISYTIHARAN PEMATUHAN

CE 0434

NOKIA CORPORATION dengan ini mengisytiharkan bahawa RM-578 produk ini mematuhi keperluan yang penting dan peruntukan Arahan 1999/5/EC yang berkaitan. Satu salinan Pengisytiharan Kepatuhan ini boleh didapati di http://www.nokia.com/phones/declaration_of_conformity/.

© 2009 Nokia. Semua hak terpelihara.

Nokia, Nokia Connecting People dan Navi adalah cap dagang atau cap dagang berdaftar Nokia Corporation. Nokia tune adalah cap bunyi Nokia Corporation. Nama produk dan nama syarikat lain yang disebut di sini mungkin merupakan cap dagang atau nama dagang pemiliknya masing-masing.

Pengeluaran semula, pemindahan, pengedaran atau penyimpanan sebahagian atau semua kandungan dokumen ini dalam apa-apa juga bentuk tanpa mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Nokia adalah dilarang. Nokia mengamalkan dasar pengembangan yang berterusan. Nokia berhak membuat perubahan dan perbaikan kepada sebarang produk yang diperihalkan di dalam dokumen ini tanpa pemberitahuan terdahulu.



Termasuk perisian kriptografi RSA BSAFE atau protokol keselamatan daripada RSA Security.



Java dan semua tanda berasaskan Java adalah cap dagangan atau cap dagangan berdaftar Sun Microsystems, Inc.

Produk ini disediakan di bawah Lesen Portfolio Paten Visual MPEG-4 (i) untuk kegunaan peribadi dan bukan komersial yang berkaitan dengan maklumat yang telah dikodkan dengan mematuhi Piawai Visual MPEG-4 oleh pengguna yang terlibat dalam kegiatan peribadi dan bukan komersial dan (ii) untuk kegunaan yang berkaitan dengan video MPEG-4 yang disediakan oleh pembekal video berlesen. Tiada lesen akan diberikan atau tersirat untuk sebarang kegunaan lain. Maklumat tambahan, termasuk yang berkaitan dengan kegunaan promosi, dalaman dan komersil boleh diperolehi daripada MPEG LA, LLC. Lihat <http://www.mpegla.com>.

Bahagian perisian Nokia Maps adalah © 1996-2009 The FreeType Project. Semua hak terpelihara.

HINGGA SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, NOKIA ATAU MANA-MANA PEMBERI LESENNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB, DALAM APA JUA KEADAAN, ATAS KEHILANGAN DATA ATAU PENDAPATAN ATAU APA-APA KEROSAKAN KHAS, SAMPINGAN, TURUTAN ATAU TIDAK LANGSUNG YANG BERLAKU.

ISI KANDUNGAN DOKUMEN INI DIBEKALKAN "SEBAGAIMANA ADANYA". KEQUALI DITUNTUT OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA, TIADA APA-APA JENIS JAMINAN, SAMA ADA YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, JAMINAN TERSIRAT BAGI KEPERDAGANGAN DAN KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTUTU, DIBUAT BERKAITAN DENGAN KETEPATAN, KEBOLEHPERCAYAAN ATAU KANDUNGAN DOKUMEN INI. NOKIA BERHAK UNTUK MENYEMAK DOKUMEN INI ATAU MENARIKNYA BALIK PADA BILA-BILA MASA TANPA NOTIS YANG TERDAHULU.

Ketersediaan produk dan aplikasi serta perkhidmatan tertentu untuk produk ini mungkin berbeza-beza mengikut wilayah. Sila semak dengan penjual Nokia anda untuk mendapatkan butiran dan ketersediaan pilihan bahasa. Peranti ini mungkin mengandungi barangan, teknologi atau perisian yang tertakluk kepada undang-undang dan peraturan eksport dari Amerika Syarikat dan negara-negara lain. Lencengan yang bertentangan dengan undang-undang adalah dilarang.

Aplikasi pihak ketiga yang disediakan bersama peranti anda mungkin telah diwujudkan dan boleh dimiliki oleh orang atau entiti yang tidak bergabung atau berkaitan dengan Nokia. Nokia tidak memiliki hak cipta atau hak harta intelektual bagi aplikasi pihak ketiga ini. Oleh yang demikian, Nokia tidak bertanggungjawab terhadap sebarang sokongan pengguna akhir, kefungsiannya aplikasi ini, mahu pun maklumat dalam aplikasi atau bahan-bahan ini. Nokia tidak menyediakan sebarang jaminan bagi aplikasi pihak ketiga ini.

DENGAN MENGGUNAKAN APLIKASI INI ANDA MENGAKUI BAHAWA APLIKASI YANG DISEDIAKAN SEBAGAIMANA ADA TANPA SEBARANG JENIS JAMINAN, YANG DINYATAKAN ATAU TERSIRAT, SETAKAT MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG BERKUAT KUASA. ANDA SETERUSNYA MENGAKUI BAHAWA BAIK NOKIA MAHUPUN ANGGOTA GABUNGANNYA TIDAK MEMBUAT SEBARANG PERWAKILAN ATAU JAMINAN, YANG NYATA ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA JAMINAN HAK MILIK, KEPERDAGANGAN ATAU KESESUAIAN BAGI SESUATU TUJUAN KHUSUS ATAU BAHAWA APLIKASI TIDAK AKAN MELANGGAR SEBARANG PATEN, HAK CIPTA, CAP DAGANG ATAU HAK-HAK PIHAK KETIGA YANG LAIN.

NOTIS FCC/INDUSTRY CANADA

Peranti anda mungkin menyebabkan gangguan TV atau radio (contohnya, semasa menggunakan telefon yang berdekatan dengan peralatan yang menerima). FCC atau Industry Canada boleh menghendaki anda menghentikan menggunakan telefon anda jika gangguan sedemikian tidak boleh dihapuskan. Jika anda perlukan bantuan, hubungi kemudahan servis tempatan anda. Peranti ini mematuhi bahagian 15 peraturan FCC. Operasi adalah tertakluk kepada dua syarat yang berikut: (1) Peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan yang berbahaya, dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan yang diterima, termasuk gangguan yang mungkin menyebabkan operasi yang tidak diingini. Sebarang perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan jelas oleh Nokia boleh membatalkan kebenaran pengguna untuk menggunakan peralatan ini.

Sesetengah operasi dan ciri bergantung pada kad SIM dan/atau rangkaian, MMS atau bergantung pada keserasian peranti dan format kandungan yang disokong. Sesetengah perkhidmatan adalah tertakluk kepada caj yang berasingan.

Peranti anda mungkin mempunyai penanda buku dan pautan laman internet pihak ketiga yang telah diprapasang. Anda boleh juga mengakses laman pihak ketiga yang lain melalui peranti anda. Laman pihak ketiga tidak bersekutu dengan Nokia, dan Nokia tidak mengendors atau menanggung liabiliti untuk pihak ketiga tersebut. Jika anda memilih untuk mengakses laman sedemikian, anda hendaklah mengambil langkah berwaspada tentang keselamatan atau kandungannya.

9217065/Keluaran 1.1 MS